

BAB 4

RUMUSAN DAN CADANGAN

4.1 RUMUSAN DARIPADA KAJIAN-KAJIAN LEPAS TENTANG PENULISAN BUKU TEKS DI MALAYSIA.

Kajian ini menekankan kepentingan aspek persembahan buku teks dalam era Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan tumpuan khusus kepada aspek persembahan penulisan, iaitu penggunaan alat-alat penulisan melalui kaedah-kaedah penulisan yang terpilih. Kajian terhadap penggunaan kaedah-kaedah penulisan dalam buku-buku tek yang terpilih pada peringkat menengah atas ini dibuat bagi menganalisis kekerapan dan kepelbagaian kaedah penulisan yang digunakan di samping membuat perbandingan jumlah penggunaannya secara keseluruhan antara buku-buku teks berkenaan. Analisis terhadap penggunaan kaedah-kaedah penulisan yang terpilih telah turut memperlihatkan kelemahan penggunaannya dari segi tatabahasa.

Dalam Bab 1 (Latar Belakang) kajian ini, telah ditunjukkan pentingnya penggunaan buku teks dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kepentingan penggunaan buku teks boleh disamakan dengan kepentingan pendidikan

kerana pentingnya peranan pendidikan dalam pembentukan sebuah negara bangsa. Sehubungan dengan itu, buku teks merupakan salah satu daripada wahana penerbitan yang mampu mencerna dan menerjemah Falsafah Pendidikan Negara melalui penulisannya yang diilhamkan daripada Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang disusun oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kajian-kajian yang telah dilakukan di Malaysia membuktikan walaupun KBSM memberi penekanan dan penggalakan terhadap penggunaan media lain sebagai bahan bantu mengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, buku teks tetap menduduki tempat paling atas dan menjadi pilihan ramai guru (Arfah dan rakan-rakan:1993, Daud Hamzah dan Kamaruddin Yaakub:1990).

Buku teks menjadi pilihan disebabkan ia menjadi sumber rujukan kepada pelajar sama ada di rumah mahupun di sekolah (Hussein Hj. Ahmad:1985) di samping penggunaannya yang tetap relevan (A. Aziz Deraman:1997) dan menjadi bahan penting untuk membantu guru dan murid dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di Malaysia (Sarin Talib:1995). Ini kerana, buku teks mengandungi apa saja bahan yang dianggap bermoral dan bernilai pendidikan (Baha Zain: 1992) di samping mendukung Falsafah Pendidikan

Negara dan sekaligus menyumbang kepada pembinaan insan bersepadu (Abdul Rafie Mahat:2000).

Kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini terhadap buku teks telah turut memperlihatkan kepentingan penggunaan bahan penerbitan tersebut dalam senario pendidikan di negara ini, khususnya dalam melancarkan perjalanan proses pengajaran (Hussein Hj. Ahmad:1985, Kamaruddin Hj. Husin:1988, Zulkifli A. Manaf, Shahril Marzuki dan Shahril Jamaluddin:1995).

Kehadiran media lain terutamanya media elektronik terkini seperti mel elektornik, CD-Rom, mesin faksimili, internet, komputer dan sebagainya tidak akan menjejaskan fungsi buku teks kerana ia tetap diperlukan untuk mendtadbirkan sukatan dan bahan-bahan lain. Kehadiran internet juga memungkinkan suatu hari nanti ia akan dijadikan buku teks pada masa hadapan (Chan Yuen Fook: 1999) di samping menukarkan wajah buku teks daripada bahan bercetak kepada buku teks elektronik (*Berita Harian*:11 April 2001).

Kepentingan penggunaan buku teks dalam sistem pendidikan telah menghasilkan banyak kajian terhadap isi kandungan bahan penerbitan ini. Secara keseluruhannya, kajian-kajian tentang buku teks banyak bertumpu terutamanya kepada persepsi guru terhadap penggunaan isi kandungan buku

teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan kekerapan penggunaannya (Baharoldin Hassan:1993, Sarin Talib:1996, Norazwan Yaakob:1997, Gunasegaran a/l Raman:1998, Kuljit Kaur Surat Singh:1998, Khalid Paiman:1998 dan Noraza Ahmad Zabidi dan Fauziah Ahmad:1999).

Analisis kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran belajar yang terdapat dalam isi kandungan buku turut menjadi tumpuan para pengkaji (Idris Md. Radzi:1993, Zaharah Hussin:1996, Kalanivathy S. Namasiyam:1999) selain laras bahasa (Nathesan Sellapan:1992, Samat Buang:1994 dan Mohd. Zubil Bahak:1997) dan kesesuaian buku teks (Raminah Hj. Sabran dan Nuwairi Hj. Khaza'i:1990, Baharoldin Hassan:1993, Mohd. Jonit Mohd. Johari dan Arpan Shahbuddin Latip:1995 dan Ahmad Jusoh:1998).

Walaupun hampir semua kajian tertumpu kepada buku teks sekolah menengah, buku teks Bahasa Melayu KBSM didapati menjadi sebahagian daripada tumpuan utama para pengkaji (Raminah Hj. Sabran dan Nuwairi Hj. Khaza'i:1990, Halijah Harun:1991, Jamilah Ahmad:1991, Idris Md. Radzi: 1993, Mohd. Jonit Mohd. Johari dan Abdul Rashid Ali:1993, Mohd. Jonit Mohd. Johari dan Arpan Shahbudin Latip:1995, Zaharah Hussin:1996, Norazwan Yaakob:1997 dan Sharifah Buyong:1998).

Belum ada kajian analisis kandungan terhadap buku-buku teks mata pelajaran sains tulen seperti Matematik Tambahan, Biologi, Fizik dan Kimia serta buku-buku teks mata pelajaran-mata pelajaran elektif lain seperti Ekonomi Rumah Tangga, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Lukisan Kejuruteraan dan Mekanikal, Pendidikan Islam, Geografi dan lain-lain setakat ini.

Dapatan-dapatan daripada kajian yang telah dibuat menunjukkan masih terdapat kelemahan dalam penerbitan buku teks khususnya persembahan penulisannya antaranya tidak mencapai tahap kebolehbacaan, fakta yang tidak tepat dan kemas kini serta isi kandungan yang tidak lengkap. Selain itu, terdapat juga isi kandungan bahan penulisan yang dipersembahkan dalam buku teks tidak sesuai dengan tahap pelajar disebabkan penggunaan sebuah buku teks yang sama bagi tahap pelajar yang berbeza pencapaiannya.

Walau bagaimanapun, buku teks tetap akan terus diterbitkan dan digunakan di sekolah-sekolah di Malaysia kerana kepentingannya yang telah termaktub dalam *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Syor-Syor Laporan Keciciran 1973*. Dengan itu, buku teks akan terus digunakan dalam pengajaran selagi belum terhasilnya pula satu laporan yang menunjukkan penggunaannya sudah tidak relevan dalam sistem pendidikan di Malaysia

4.2 RUMUSAN ANALISIS KEKERAPAN PENGGUNAAN KAEDAH- KAEDAH PENULISAN

Dapatan daripada analisis terhadap kekerapan penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan dalam penulisan utama setiap bab/unit dalam buku teks yang dikaji menunjukkan bahawa alat penulisan pencerakinan menjadi pilihan utama dalam keempat-empat buku teks yang dikaji dengan mencatatkan kekerapan yang paling banyak. Oleh sebab pendekatan penulisan yang digunakan dalam kesemua teks berbentuk penerangan, maka kaedah penulisan ini diperlukan dan digunakan bagi membuat huraian secara terperinci terhadap tajuk atau topik yang dibincangkan.

Kaedah pencerakinan ini juga menjadi pilihan disebabkan kaedah ini sesuai untuk memberitahu pembaca (dalam konteks buku teks – pelajar) sesuatu perkara, tema, topik, kronologi peristiwa sejarah, proses atau bagaimana sesuatu sistem itu berfungsi menerusi penerangan logik, secara langkah demi langkah. Kerana buku teks merupakan media bersifat sehalu, penerangan sedemikian adalah perlu supaya pembaca atau pelajar memahami dengan mudah bahan yang dipersembahkan dalam buku teks.

Kaedah percontohan menjadi pilihan kedua selepas pencerakinan kerana kaedah ini turut kerap digunakan secara seimbang dalam kesemua teks. Hasil analisis mendapati percontohan berganda paling kerap digunakan berbanding percontohan mengembang. Dapatan daripada analisis juga menunjukkan bahawa kebanyakan kaedah percontohan ini disampaikan secara langsung dan penggunaannya dalam kesemua buku teks yang dikaji mudah untuk dikesan. Walau bagaimanapun, memasukkan percontohan berganda secara kerap dalam satu-satu perenggan menyebabkan persembahan penulisan dalam perenggan berkenaan membosankan serta mengelirukan pelajar.

Kekerapan penggunaan kaedah penjejakan dalam kesemua teks hampir menyamai kekerapan penggunaan percontohan. Kaedah penulisan ini paling banyak ditemui dan dikesan dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* kerana kandungan mata pelajarannya disusun supaya pelajar mengetahui dan menghayati sejarah peradaban manusia dan sejarah negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Untuk itu, perlu dijejaki dan diimbaskan kembali peristiwa-peristiwa lama yang telah berlaku. Hasil analisis juga menunjukkan, dalam buku teks *Sains*, *Pendidikan Moral* dan *Bahasa Melayu*, kaedah penulisan ini turut digunakan untuk menggambarkan kembali peristiwa yang telah berlaku sama ada dalam pemilihan jenis bahan mahupun tajuk selain digunakan juga sebagai percontohan.

Kekerapan penggunaan kaedah penakrifan antara buku teks *Sejarah* dan *Sains* hampir sama begitu juga antara buku teks *Pendidikan Moral* dan *Bahasa Melayu*. Hasil kajian mendapati terdapat jurang yang agak jauh dari segi jumlah kekerapan penggunaan kaedah penulisan ini jika dibuat perbandingan penggunaannya antara buku teks *Sejarah* dan *Sains* dengan buku teks *Pendidikan Moral* dan *Bahasa Melayu*. Walau bagaimanapun, fungsi kaedah penulisan ini dalam kesemua teks adalah sama, iaitu memberikan maksud atau penerangan ringkas terhadap perkataan, frasa atau konsep.

Kaedah perbandingan pula hanya digunakan dalam tiga buah buku teks yang dikaji kerana buku teks *Pendidikan Moral* tidak menggunakannya. Walau bagaimanapun, teknik penulisan dalam buku teks *Sains* agak menarik dalam mempersembahkan kaedah penulisan ini, iaitu dengan membandingkan sesuatu konsep atau proses dalam halaman yang sama bagi memudahkan pelajar menjejakinya di samping menggunakan perkataan 'perbezaan' bagi menunjukkan perlu dibuat perbandingan. Teknik penulisan ini agak berbeza dengan buku teks *Sejarah* kerana kaedah ini dipersembahkan adakalanya secara tidak langsung dalam huraian yang panjang lebar dan memaksa pelajar menyelak halaman-halaman sebelumnya untuk membuat perbezaan atau persamaan.

Jumlah kekerapan penggunaan kaedah perbandingan agak hampir dengan penggunaan kaedah pengelasan. Perbezaannya hanyalah kesemua buku teks yang dikaji dikesan menggunakan kaedah ini walaupun hanya sekali berbanding dengan kaedah perbandingan. Kaedah ini juga banyak digunakan dalam buku teks *Sains* dan *Sejarah* dengan fungsi yang berbeza. Kaedah penulisan ini berfungsi untuk mengelaskan sesuatu unsur dalam buku teks *Sains* manakala dalam buku teks *Sejarah* pula digunakan bagi mengelaskan struktur sosial masyarakat. Fungsi penggunaan kaedah ini dalam buku teks *Pendidikan Moral* dan *Bahasa Melayu* tidak dapat dikenalpasti kerana kekerapan penggunaannya yang terlalu minima.

Dapatan daripada analisis juga membuktikan kaedah penulisan yang kurang digunakan berbanding enam kaedah penulisan yang telah disebutkan ialah kaedah petikan, iaitu hanya 18 kali kekerapan penggunaannya dalam kesemua teks. Tidak seperti tiga buah buku teks yang lain, penggunaan kaedah ini dengan kepelbagaian fungsinya dalam buku teks *Sejarah*, menjadikan persembahan bahan atau isi kandungan buku teks tersebut dalam menggunakan alat penulisan ini agak menarik. Kepelbagaian fungsi kaedah-kaedah penulisan seperti ini boleh dijadikan contoh dan diikuti dalam teknik penulisan buku-buku teks yang lain.

Namun begitu, tiga jenis kaedah penulisan lain, iaitu satira, penamsilan dan anekdot menjadi kaedah penulisan yang paling tidak digemari dalam persembahan penulisan buku teks kerana terlalu sedikit kaedah-kaedah berkenaan ditemui dan dikesan dalam kesemua teks yang telah dianalisis. Kaedah-kaedah penulisan ini jika digunakan secara kerap dalam persembahan penulisan akan dapat mengelakkan kebosanan pelajar di samping dapat menghilangkan rasa mengantuk apabila membaca buku teks.

Penggunaan kesemua kaedah penulisan di dalam keempat-empat buku teks yang dikaji dapat diringkaskan seperti Jadual 4. 1 di bawah :

Buku Teks/ Kaedah Penulisan	BM	Sejarah	Sains	P.Moral	Jumlah
Pencerakinan	115	645	62	161	1,283
Percontohan	32	270	191	60	553
Penjejakan	23	391	24	66	505
Penakrifan	4	40	58	5	107
Perbandingan	3	32	22	-	57
Pengelasan	3	20	21	1	45
Petikan	1	8	5	4	18
Anekdot	-	-	-	6	6
Penamsilan	-	-	3	-	3
Satira	2	-	-	-	2
Lain-lain	3	6	4	30	43
Jumlah	186	1,412	690	333	2,621

Jadual 4.1 :Penggunaan Keseluruhan Alat Penulisan Mengikut Buku Teks

4.3 RUMUSAN DAPATAN DARIPADA ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH-KAEDAH PENULISAN

Analisis penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan dalam empat buah buku teks mata pelajaran teras Tingkatan Lima ini, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Moral dan Sains telah menghasilkan beberapa dapatan antaranya:

- a) Terdapat usaha yang nyata daripada penulis buku teks untuk memasukkan pelbagai kaedah penulisan dalam persembahan penulisannya. Ini dibuktikan dengan adanya kepelbagaian kaedah penulisan dalam bab/unit terutamanya bab/unit yang mempunyai jumlah halaman yang panjang seperti buku teks *Sejarah* dan *Sains*.

- b) Penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan dalam buku teks didapati mempunyai keseimbangan antara setiap bab/unit. Kecuali buku teks *Pendidikan Moral* dan *Bahasa Melayu* (kerana jumlah bab/unit yang banyak dan jumlah halaman yang sedikit), keseimbangan penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan ini dikesan dalam buku teks *Sejarah* dan *Sains* kerana setiap bab mengandungi antara 15 – 30 halaman.

- c) Kekерapan dan kepelbagaian penggunaan kaedah alat-alat penulisan dalam setiap bab/unit bergantung kepada jumlah halaman atau kepanjangan sesuatu topik atau tajuk.

- d) Terdapat juga usaha penulis untuk mempelbagaikan penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan melalui pesembahan penulisannya dalam satu-satu perenggan khususnya perenggan yang panjang. Misalnya, ketika mencerakinkan sesuatu proses, peristiwa, tajuk atau topik, kaedah penulisan lain seperti percontohan, penakrifan atau penjejakan turut ditemui.

- e) Terdapat kaedah alat penulisan yang paling kerap digunakan dalam satu-satu buku teks dan terdapat juga kaedah alat penulisan yang tidak digunakan dalam satu-satu buku teks jika dibandingkan dengan buku-buku teks yang lain.

- f) Terdapatnya kelemahan dari segi tatabahasa dalam penyampaian alat-alat penulisan yang berpunca daripada pengeditan yang kurang kemas dan ketidakpekaan penulis terhadap aspek bahasa. Kelemahan dari aspek tatabahasa dalam penyampaian alat-alat penulisan telah menjejaskan makna dan kadangkala menimbulkan kesalahan makna. Dengan itu, aspek

penyampaian dalam persembahan alat-alat penulisan ini sekaligus menjadi lemah.

- g) Kaedah penulisan pencerakinan menjadi pilihan utama dalam setiap bab/unit dalam semua buku teks bagi membuat penerangan diikuti dengan kaedah penulisan percontohan, penjejakan, penakrifan, perbandingan, pengelasan, petikan.
- h) Kurangnya penggunaan alat penulisan yang boleh menarik minat khalayak sasaran dan memberikan rasa segar dan ceria dalam persembahan penulisan seperti penggunaan kaedah penulisan satira, anekdot dan penamsilan atau analogi.
- i) Persembahan semua jenis alat penulisan disampaikan mengikut pendekatan deduktif, iaitu memberi penerangan secara umum dan diikuti dengan contoh-contoh khusus.
- j) Penggunaan beberapa kaedah alat penulisan (khususnya percontohan, penakrifan, penjejakan, dan perbandingan) dipersembahkan secara langsung dan mudah untuk dikesan. Ini menunjukkan tiada sebarang usaha menggunakan alat-alat penulisan ini secara implisit bagi

mbolehkan pembaca nampak dan merasai nilai sesuatu idea yang abstrak.

Dapatan-dapatan di atas dibuat berdasarkan kajian terhadap penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan dalam buku-buku teks terpilih sahaja. Adalah diharapkan dapatan-dapatan tersebut akan dapat menjadi maklumat yang memperluas dan memperkukuh dapatan-dapatan lain yang pernah dibuat terhadap analisis kandungan buku teks di negara ini terutamanya buku teks pada era Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Adalah diharapkan juga dapatan-dapatan ini akan dapat menjadi maklum balas dan input yang berguna kepada perancang kurikulum, penulis-penulis buku teks termasuk panel penulis Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan, penyusun dan penerbit buku teks, guru-guru serta pengkaji-pengkaji yang lain dalam usaha bersama untuk meningkatkan kualiti penerbitan buku teks di negara ini khususnya dalam aspek persembahan penulisannya.

4.4 RUMUSAN KELEMAHAN PENGGUNAAN ALAT-ALAT PENULISAN DARI SEGI BAHASA DAN PENYAMPAIAN.

Secara keseluruhannya walaupun kesemua buku teks yang dianalisis menggunakan pelbagai kaedah alat penulisan dalam persembahan penulisan, namun terdapat alat-alat penulisan yang digunakan mempunyai banyak kesalahan dari segi tatabahasa. Kesalahan-kesalahan dari segi tatabahasa menyebabkan berlaku kelemahan dalam penyampaian dan aspek persembahan penulisan buku-buku teks tersebut. Selain itu, kesalahan-kesalahan ini juga turut menyebabkan maksud yang ingin disampaikan melalui penggunaan kaedah alat-alat penulisan yang dipilih tidak sampai kepada pembaca sasaran atau menyebabkannya menjadi kabur.

Kesalahan-kesalahan tatabahasa terutama kesalahan penggunaan ayat yang kerap dilakukan menyebabkan penyampaian maklumat melalui penggunaan alat-alat penulisan menjadi lemah dan sekaligus boleh mengganggu tumpuan pelajar. Kadangkala terdapat maklumat yang diberikan bersifat 'sepintas lalu' sahaja tanpa ada penerangan selanjutnya terhadap maklumat yang diberi sebelumnya. Keadaan ini menyebabkan pelajar seolah-olah dibiarkan terawang-awang dan perlu mencari sendiri maklumat yang diperlukan. Contohnya:

Tanaman kelapa sawit dibawa ke negara kita dari Nigeria. Hasil utama pokok kelapa sawit diperoleh daripada buahnya (*Sains Tingkatan 5* – muka surat 70).

Kaedah penulisan penjejakan digunakan dalam penulisan di atas. Jika diteliti kedua-dua ayat tersebut, tidak ada kesinambungan dan pertautan antara kedua-duanya. Ayat yang pertama, iaitu *Tanaman kelapa sawit dibawa ke negara kita dari Nigeria* tamat di situ sahaja tanpa ada penerangan mengapa kelapa sawit di bawa dari Nigeria atau mengapa kita mengambil kelapa sawit dari Nigeria.

Sementara itu, ayat yang kedua, iaitu *Hasil utama pokok kelapa sawit diperoleh daripada buahnya* tidak ada kaitan dengan ayat sebelumnya. Dalam hal ini, adalah lebih baik ayat yang pertama itu ditiadakan kerana ayat tersebut tidak mempunyai apa-apa fungsi selain untuk memaklumkan asal-usul kewujudan kelapa sawit di negara ini. Hubungan kedua-dua ayat tersebut longgar kerana ketiadaan koheren dan kohesi antara kedua-duanya.

Selain kesalahan ayat, kesalahan pemilihan perkataan dalam penggunaan alat-alat penulisan turut dikesan. Kesalahan pemilihan perkataan ini menyebabkan maksud yang ingin disampaikan menjadi tidak jelas menyebabkan 'tergendalanya komunikasi' antara teks dengan pembacanya. Komunikasi yang tergendala ini memberikan kesan tanda tanya kepada

pembaca atau khalayak sasaran, apakah yang ingin disampaikan melalui sesuatu penulisan itu yang sekaligus menjadikan tulisan itu lemah dari segi penyampaiannya. Sebagai contoh, perhatikan petikan ayat di bawah:

Radioterapi adalah kaedah rawatan yang menggunakan sinar radioaktif untuk menghasilkan sel tumor atau menghalangnya daripada *membahagi* (*Sains Tingkatan 5* – muka surat 39).

Pemilihan perkataan *membahagi* dalam ayat di atas tidak tepat kerana perkataan *membahagi* ialah perbuatan atau kata kerja transitif yang membawa maksud 'membelah, memecahkan atau memisahkan menjadi beberapa bahagian' (*Kamus Dewan* 1998 : 85). Pemilihan perkataan ini menyebabkan penakrifan maksud yang ingin disampaikan lemah dan tidak jelas serta menimbulkan kekeliruan kepada pelajar. Perkataan yang lebih tepat digunakan dalam ayat di atas bagi memberikan maksud yang lebih jelas ialah '*berpecah menjadi banyak*' atau menggunakan perkataan atau frasa lain yang berbentuk kata kerja tak transitif atau kata nama.

Kesalahan pemilihan perkataan boleh membawa kepada kesalahan makna. Kesalahan makna akan menyebabkan timbul kesalahfahaman tafsiran kepada pembaca. Sebagai contoh, perhatikan ayat berikut dalam penggunaan kaedah penulisan percontohan.

Sekiranya seorang ibu dijangkiti rubela di peringkat awal kehamilan, virus penyakit ini akan menyerang fetus dan menyebabkannya pekak, buta dan menghidap penyakit jantung (*Sains Tingkatan 5* – muka surat 35).

Jika diteliti, ayat di atas mempunyai beberapa kesalahan antaranya ialah penggunaan perkataan *seorang ibu*, sepatutnya *seseorang ibu*. Frasa *di peringkat awal kehamilan* adalah kesalahan penggunaan kata sendi yang sepatutnya ditulis *pada peringkat awal kehamilan*. Pemilihan perkataan *menghidap* dalam ayat di atas menimbulkan kekeliruan, kerana menghidap membawa maksud 'menanggung sesuatu penyakit dengan lama' (*Kamus Dewan 1998* : 454).

Oleh itu, pemilihan perkataan 'menghidap' dalam konteks ayat di atas tidak tepat kerana serangan virus penyakit dalam konteks ayat di atas belum berlaku. Jadi, tidak mungkin fetus itu menanggung sesuatu penyakit dengan lama kerana 'fetus itu akan diserang virus'. Perkataan yang sesuai digunakan dalam ayat tersebut ialah 'mendapat' yang membawa maksud 'menerima atau beroleh' (*Kamus Dewan 1998* : 270). Kesalahfahaman terhadap penggunaan perkataan itu boleh menyebabkan berlakunya kesalahan dalam memberi tafsiran.

Selain pemilihan perkataan atau diksi yang tidak tepat, ayat yang tidak lengkap juga menyebabkan penyampaian alat-alat penulisan dalam buku

teks menjadi lemah. Ayat yang tidak lengkap menjadikan satu-satu ayat itu tergantung dan maksud yang ingin disampaikan menjadi tidak jelas. Walaupun kesalahan ayat seperti ini agak minima dikesan dalam penyampaian alat-alat penulisan dalam setiap teks, namun kesalahan ini akan menjejaskan proses komunikasi sehala yang berlaku antara buku teks dengan pelajar. Salah satu contoh kesalahan ayat tersebut diperturunkan di bawah ini yang dipetik daripada buku teks Sejarah Tingkatan 5.

Menobat bolehlah diertikan berkuasa
(muka surat 28)

Kaedah penakrifan digunakan dalam ayat di atas. Menobat membawa maksud 'menaikkan ke atas takhta kerajaan, menjadikan raja, memahkotai atau menabalkan' (*Kamus Dewan* 1998 : 932). Terdapat dua kesalahan dalam struktur ayat nyata di atas, iaitu kesalahan nahu dan kesalahan makna. Ayat di atas tidak lengkap kerana berlaku pengguguran perkataan dalam frasa predikat yang melibatkan kesalahan nahu menyebabkan maksud yang hendak disampaikan tidak jelas. Ayat tersebut sepatutnya ditulis 'Menobat bolehlah diertikan *sebagai* berkuasa'. Perkataan 'sebagai' membawa maksud 'jadi, menjadi atau selaku' (*Kamus Dewan* 1998 : 84). Oleh sebab fungsi ayat di atas untuk menyampaikan penakrifan, perkataan

'sebagai' perlu dimasukkan supaya struktur ayat berkenaan menjadi lengkap dan maksudnya lebih jelas.

Kesalahan dan pengabaian penggunaan kata sendi turut dikesan. Walaupun kesalahan dan pengabaiaannya tidak menjejaskan penyampaian alat-alat penulisan dalam persembahan penulisan, tetapi ia menggambarkan ketidakpekaan penulis terhadap kepentingan penggunaan kata sendi ini dalam aspek bahasa terutamanya dalam penulisan buku teks. Kesalahan ini sepatutnya tidak berlaku kerana penggunaan kata sendi dalam pembinaan ayat seharusnya tidak dianggap perkara remeh dan mudah kerana kadangkala ia boleh menjejaskan maksud ayat begitu juga dengan pengabaian penggunaan kata sendi .Antara kesalahan dan pengabaian penggunaan kata sendi yang dikesan ialah:

Selain *daripada* ikan, organisma seperti cacing, kulat dan bakteria juga boleh digunakan untuk mengawal vektor (*Sains Tingkatan 5* – muka surat 32)

(Penggunaan kata sendi *daripada* yang lewah., Sepatutnya Selain ikan, organisma seperti cacing, kulat dan bakteria juga boleh digunakan untuk mengawal vektor).

Sebagai contoh, selepas kemangkatan Bendahara Wan Ali pada tahun 1875, perang merebut jawatan Bendahara Pahang *di antara* Wan Ahmad dengan Wan Mutahir telah meletus (*Sejarah Tingkatan 5* – muka surat 63)

(Sepatutnya : Sebagai contoh, selepas kemangkatan Bendahara Wan Ali pada tahun 1875, perang merebut

jawatan Bendera Pahang *antara* Wan Ahmad dengan Wan Mutahir telah meletus).

Pada bulan November 1989, rakyat Romania telah memberontak menyingkirkan kerajaan komunis pimpinan diktator Nicole Ceaucescu dan berjaya mewujudkan kerajaan demokrasi pilihan mereka (*Pendidikan Moral Tingkatan 5* – muka surat 37)

(Pengabaian penggunaan kata sendi 'untuk'. Sepatutnya : Pada bulan November 1989, rakyat Romania telah memberontak *untuk* menyingkirkan kerajaan komunis pimpinan Nicole Ceaucescu dan berjaya .mewujudkan kerajaan demokrasi pilihan mereka)

Kesalahan-kesalahan dari segi bahasa terutamanya dalam pembinaan ayat sepatutnya tidak berlaku dan dielakkan. Ini kerana, setiap buku teks telah disemak dan diteliti terlebih dahulu dari segi ketepatan isi kandungan dengan Sukatan Pelajaran, aspek persembahan dan aspek teknikal agar bersesuaian dengan tahap pelajar. Kesalahan-kesalahan bahasa boleh melemahkan aspek persembahan sesebuah buku teks terutama dari segi penyampaian maklumat kepada pelajar atau khalayak sasaran.

Hasil analisis dan kajian terhadap penggunaan alat-alat penulisan dalam buku teks *Bahasa Melayu, Sejarah, Sains* dan *Pendidikan Moral Tingkatan Lima* ini memperlihatkan terdapat beberapa kelemahan dalam penggunaannya dari segi penyampaian. Penyampaian alat-alat penulisan ini menjadi lemah disebabkan kelemahan pengarang atau penulis menguasai kedua-dua disiplin

ilmu, iaitu ilmu penulisan dan bahasa walaupun lebih daripada seorang penulis yang menulis buku teks tersebut.

Selain kelemahan pengarang dan penulis, kelemahan editor juga merupakan antara punca menyebabkan terdapatnya kelemahan dalam penerbitan sesebuah buku teks terutamanya aspek persembahan penulisan. Bukan pengarang atau penulis sahaja perlu menguasai dan mendalami ilmu ketrampilan menulis dan ilmu bahasa, editor juga perlu lebih pakar daripada pengarang atau penulis. Dengan itu, persembahan penulisan akan menjadi lebih berkualiti hasil gabungan ilmu yang ada pada penulis dan editor.

4.5 CADANGAN-CADANGAN

Untuk mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan buku teks terutamanya dari segi aspek persembahan alat-alat penulisannya, kajian ini menyarankan beberapa cadangan, iaitu:

4.5.1 Peranan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertindak sebagai penyelaras nilai, dan pengawal mutu buku teks hendaklah

mempunyai pegawai-pegawai yang benar-benar terlatih dan berpengalaman dalam membuat penilaian terhadap aspek persembahan buku teks. Perlu juga wujud sebuah badan atau jawatan kuasa khas yang meneliti aspek bahasa secara khusus supaya kesilapan yang dilakukan pada tahap yang paling minima. Selain itu, editor pakar juga perlu terutamanya dalam sesuatu mata pelajaran supaya editor berkenaan benar-benar mahir dalam mata pelajaran berkenaan. Editor juga perlu mahir dan menguasai ilmu penulisan di samping menguasai ilmu bahasa dengan baik supaya tidak berlaku kesilapan fakta dan bahasa.

BBT juga perlu bersedia dari segi kepakaran dan pengetahuan bagi menerbitkan buku teks dalam bentuk digital bagi menggantikan buku teks konvensional dalam usaha menggalakkan pelajar belajar secara interaktif di samping menyediakan mereka kepada pengetahuan berasaskan teknologi maklumat dan sesuai dengan kehendak semasa. Selain itu, apa jua bentuk kesilapan dalam paparan buku teks elektronik boleh diperbetulkan segera dengan kadar kos yang paling minima dan tidak perlu menunggu sehingga lebih sepuluh tahun untuk membetulkan segala kesilapan, iaitu apabila Sukatan Pelajaran berubah yang memerlukan sebuah buku teks baru untuk diterbitkan.

BBT juga boleh meningkatkan mutu persembahan penulisan buku teks dengan memberikan tempoh masa yang agak lama atau panjang kepada penulis. Tempoh masa yang panjang dan lama perlu supaya pengarang atau penulis mempunyai cukup masa untuk mencari dan menyediakan bahan-bahan yang bermutu. Sehubungan dengan itu, jangka masa untuk membetulkan manuskrip juga perlu dipanjangkan tempohnya supaya penelitian yang lebih mendalam daripada semua aspek dapat dilakukan kerana tempoh tujuh minggu yang ada sekarang tidak memadai dan mencukupi.

Begitu juga tempoh waktu untuk menulis manuskrip yang disyaratkan oleh Bahagian Buku Teks, iaitu 10 minggu untuk 50% pertama dan pembetulan 50% pertama dan penulisan baki 50%, tidak memadai. Tempoh waktu yang ada sekarang hanya memungkinkan penulis menyampaikan isi kandungan manuskrip mengikut Sukatan Pelajaran tetapi mengabaikan aspek lain terutamanya aspek bahasa apatah lagi aspek penggunaan alat-alat penulisan.

4.5.2 Pengarang dan penulis buku teks

Penulis atau pengarang buku teks setiap mata pelajaran bukan sahaja perlu mahir dalam disiplin ilmunya tetapi perlu mahir dalam aspek bahasa dan penulisan bagi mengelakkan kesalahan dari segi bahasa yang akan menjejaskan maksud dan mengelirukan pelajar. Penguasaan bahasa juga penting kerana ia merupakan alat untuk menyampaikan ilmu yang terdapat dalam buku teks. Sehubungan dengan itu, kursus ketrampilan menulis dan kemahiran bahasa secara berterusan perlu diberi kepada penulis-penulis yang terpilih supaya mereka menguasai ilmu penulisan dan kepengarangan. Kelemahan dalam ilmu kepengarangan dibuktikan dengan adanya pencerakinan antara setiap ayat dalam perenggan yang tidak mempunyai kesinambungan, pertautan dan kejalinan.

4.5.3 Aspek persembahan penulisan (khusus kepada penggunaan alat-alat penulisan)

Elakkan terlalu banyak penyebutan tarikh atau tahun dalam satu-satu perenggan terutamanya dalam penulisan pensejarahan yang banyak menggunakan kaedah penjejakan. Penyebutan tarikh atau tahun yang terlalu kerap dalam satu-satu perenggan akan mengelirukan pelajar

dan menyukarkan mereka untuk mengingat fakta dan peristiwa di samping akan menimbulkan kebosanan.

Perlu dipertimbangkan supaya setiap penyampaian penakrifan diikuti dengan penerangan yang lebih jelas terutamanya dalam mata pelajaran Sains supaya setiap takrifan itu benar-benar difahami. Hasil analisis mendapati penakrifan disampaikan secara ringkas dalam satu ayat yang pendek terutamanya takrifan senama.

Selain itu, kepelbagaian dalam mempersembahkan percontohan perlu difikirkan kerana penggunaan kaedah penulisan ini disampaikan secara langsung dan boleh dikenali dengan perkataan-perkataan tertentu yang menampakkan satu persembahan penulisan yang sudah klise.

Satu-satu perbandingan yang hendak dibuat perlu dipersembahkan atau ditulis dalam muka surat yang sama. Selain memudahkan pembaca membuat persamaan dan perbezaan, ia juga tidak memenatkan pembaca untuk menyelak dua atau tiga muka surat sebelumnya untuk membuat perbandingan.

Penggunaan petikan (sama ada petikan pendapat orang lain ataupun daripada sumber lain) dengan kepelbagaian fungsi perlu dibanyakkan bagi mewarnai aspek persembahan penulisan buku teks di samping menambahkan pengetahuan pelajar dalam penggabungjalinan ilmu.

Kajian ini turut mencadangkan supaya penggunaan kaedah satira, anekdot dan penamsilan atau analogi diberikan tumpuan dalam aspek persembahan penulisan sesebuah buku teks. Penggunaan kaedah-kaedah ini perlu bagi mengelakkan nada berkuliah atau bersyarah dalam buku teks yang bersifat penerangan selain memberikan keseronokan dalam pembacaan.